



SIARAN MEDIA

'PROJEK PEMBINAAN STESEN PAM PENGGALAK TEGUP DI DAERAH DALAT KINI TELAH SIAP DILAKSANAKAN'

MUKAH, 5 April 2022: Keprihatinan Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Utiliti & Telekomunikasi Sarawak (KUT) dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB) sebagai agensi pelaksana dalam penambahbaikan infrastruktur dan sistem bekalan air di Bahagian Mukah dibuktikan dengan pelaksanaan pelbagai projek berimpak tinggi, jangka pendek dan sederhana di bawah Pakej Projek Rakyat Central Region Phase 2 (CR2) termasuk Projek Pembinaan Stesen Pam Penggalak Tegup yang bernilai sekitar RM11.5 Juta di Daerah Dalat. Projek yang sudah siap dilaksanakan ini sedang menunggu proses 'Testing and Commissioning' sebelum ia dapat beroperasi sepenuhnya. Ia dijangka akan memberi manfaat besar kepada penduduk di kawasan Kekan dan Medong dengan saluran bekalan air yang lebih baik dan berkualiti. Skop projek ini merangkumi kerja-kerja berikut:

- 1. Work Order No.3: Improvement works to other facilities at various Water Treatment Plants, Booster Station, JBALB Store, Office and etc. in Mukah Division*
- 2. Work Order No. 4: Proposed Replacement Of Pump Set, Generator Set And M&E Equipment At Various Water Treatment Plant, Booster Station And Raw Water Intake in Mukah Division*

Bagi menjamin kualiti bekalan air yang lebih baik dan berterusan di Daerah Dalat, JBALB Sarawak akan memastikan projek-projek yang kini dalam peringkat pelaksanaan akan disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Projek-projek tersebut merupakan sebahagian daripada Sistem Grid Bekalan Air Sarawak yang diilhamkan oleh YAB Premier Sarawak untuk menyelesaikan isu bekalan air secara efektif dan menyeluruh.

-TAMAT-

JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK

GAMBAR-GAMBAR PROJEK PEMBINAAN STESEN PAM PENGGALAK TEGUP YANG SUDAH SIAP DILAKSANAKAN





vivo V19
Perfect Shot



CONTACT
CALL CENTRE JBALB
082-262211



<https://jbalb.sarawak.gov.my/>



JBALB Sarawak



jbalbsarawak